

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN N. SURENDRAN

RUJUKAN : 9462

SOALAN:

Tuan N. Surendran [Padang Serai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapa inkues diadakan dalam tempoh 2005 hingga 2016 dengan keputusan setiap kes serta tindakan disiplin lanjut daripada keputusan tersebut.

JAWAPAN:

Setiap kes kematian dalam tahanan, pihak polis akan membuka kertas laporan kematian mengejut atau *Sudden Death Report* (SDR) bagi mengetahui punca kematian tahanan tersebut dan mengemukakan kepada pihak Majistret samada perlu diadakan “inkues” atau pun sebaliknya. Bagi tahun 2005 sehingga September 2016, pihak polis telah membuka sejumlah 171 kertas laporan kematian mengejut. Daripada jumlah tersebut sebanyak 44 kes telah selesai inkues, 8 masih lagi dalam proses inkues, 26 kes dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya, 14 kes dirujuk kepada Majistret, 14 kes masih dalam siasatan, 61 kes Majistret memutuskan tiada inkues diperlukan dan 4 kes dibuat pendakwaan.

Pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut:

TAHUN	PERKARA							JUMLAH KES
	PENDAKWAAN	MASIH INKUES	SELESAI INKUES	MAJISTRET MEMUTUSKAN TIADA INKUES DIPERLUKAN	DIRUJUK DPP	DIRUJUK MAJISTRET	DALAM SIASATAN	
2005	1 (304(b) (A&D))	1	5	11				18
2006	1 (JATUH HUKUM)		6	10				17
2007			5	11	3			19
2008			7	5				12
2009	1 (JATUH HUKUM)	1	2	3				7
2010			2	3	2	2		9
2011		1	4	8	2	2		17
2012			8	6	2	3		19
2013	1 (A&D)	3	3	3	6	2	2	20
2014		2	2	1	9	2	2	18
2015					2	3	7	12
2016							3	3
JUMLAH	4	8	44	61	26	14	14	171